

CLP: Tommy tidak sensitif?

KUALA LUMPUR 31 Mac - Pengiktirafan diberikan kepada lulusan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) sebagai syarat menduduki Peperiksaan Sijil Amalan Guaman (CLP) disifatkan sebagai tindakan gopoh yang tidak menghormati sensitiviti rakyat terutama orang Melayu.

Felo Penyelidik Utama Bersama Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong malah menegaskan kenyataan Pengerusi Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang Malaysia (LPQB), Tommy Thomas yang juga Peguam Negara sebagai mengejutkan dan boleh mengelirukan masyarakat.

Tegas Kok Seong, Tommy seharusnya lebih sensitif kerana UEC masih lagi berada dalam kajian dan pertimbangan kerajaan untuk diiktiraf.

“Sebelum ini hanya ada satu aspek dalam UEC sahaja yang diterima iaitu berhubung ke-masukan ke institut pendidikan guru (IPG), itu pun untuk opsyen bahasa Cina dan melalui beberapa syarat lain yang ketat.

“Jadi, mengiktiraf UEC dalam CLP ini saya lihat tindakan yang gopoh. Kerajaan dan



“Mengiktiraf UEC dalam CLP ini saya lihat tindakan yang gopoh. Kerajaan dan Tommy seharusnya lebih berhati-hati dengan menjaga sensitiviti umum kerana perkara ini ada kaitan dengan keharmonian sosial.”

TEO KOK SEONG

Tommy seharusnya lebih berhati-hati dengan menjaga sensitiviti umum kerana perkara ini ada kaitan dengan keharmonian sosial,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Kelmarin, Tommy dalam kenyataan berkata, CLP akan menerima pakai kelayakan UEC pada tahap ‘Senior Middle 3’ untuk tujuan tersebut mulai 1 Januari 2021.

Dalam perkembangan sama, Kok Seong turut mengkritik Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching yang disifatkan

terlalu ghairah dan berbaur politik.

Kok Seong turut mendakwa tindakan Nie Ching yang menyambut baik keputusan LPQB sambil mengucapkan terima kasih juga membuktikan bahawa beliau sememangnya pejuang UEC.

“Sepatutnya, beliau sebagai Timbalan Menteri Pendidikan tidak seharusnya terlalu ghairah menunjukkan sikap sebegitu rupa. Jika UEC diiktiraf menerusi pertimbangan yang wajar sekali pun, Nie Ching tidak patut berbuat demikian,” ujar beliau.